

03/09/1997

Tokoh perniagaan Cina sokong PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Dewan Perdagangan dan Industri Cina Bersekutu Malaysia memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan kerajaan dalam menangani serangan luar terhadap pasaran saham serta matawang negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keputusan itu dicapai dalam satu mesyuarat tergepar tertutup antara beliau dan tokoh perniagaan Cina malam Ahad lalu.

Dr Ling juga Menteri Pengangkutan berkata beliau akan menyampaikan beberapa cadangan yang turut dikemukakan pada mesyuarat itu kepada Kabinet esok.

"Mereka menyokong Perdana Menteri seratus peratus dalam perang terhadap manipulator jahat yang cuba memusnahkan ekonomi negara yang dibina selama 40 tahun."

"Semua pihak perlu bersama menghadapi serangan terhadap ekonomi negara dan mesti yakin dan tenang dalam usaha memulihkannya semula," katanya kepada pemberita di kementerianya hari ini.

(END)